

21/09/2000

Sokongan swasta program membanteras HIV/Aids meningkat

KUALA LUMPUR, Rabu - Sokongan pihak swasta terhadap program membanteras HIV/Aids semakin meningkat berikutan kesedaran mengenai kesan penyakit berbahaya itu.

Presiden Majlis Aids Malaysia (MAM), Datin Paduka Marina Mahathir berkata, sokongan itu dapat dilihat melalui kerjasama yang dihulurkan dalam Gala Riben Merah 2000, satu acara eksklusif yang menggabungkan fesyen dan hiburan untuk mengutip derma.

"Berbanding kali pertama gala ini diadakan pada 1996, saya dapati sokongan kali ini lebih menggalakkan kerana mereka kini lebih faham mengenai senario yang membabitkan epidemik HIV/Aids," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Sebelum itu, Marina yang juga Pengerusi Yayasan Aids Malaysia (YAM) menerima barangan berjenama yang akan dilelong di gala berkenaan.

Barangan itu termasuk kereta Satria GTI berharga RM65,000 sumbangan USPD, Rantai Tubogas berharga RM23,000 sumbangan Bvlgari, Mangkuk Studley berharga RM15,000 sumbangan Comyn's (M) Sdn Bhd, beg tangan Chanel berharga RM13,000 sumbangan Chanel, set makan Hermes berharga RM11,745 sumbangan Hermes Retail (M) Sdn Bhd dan tiket Eastern & Oriental Express ke Bangkok berharga RM9,000 sumbangan Malaysia Tatler.

Sempena gala itu, YAM juga menganjurkan Anugerah Riben Merah sebagai menghargai dan mengiktiraf sumbangan media dalam mendidik masyarakat mengenai HIV.

Anugerah yang akan diadakan pada 30 September di Hotel Mandarin Oriental itu, akan dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Pada malam Gala Riben Merah itu, Chanel buat pertama kalinya akan mempersembahkan pertunjukan fesyen koleksi Musim Luruh 2000.

Orang ramai yang ingin menempah tiket bagi gala itu, boleh menghubungi Indra Nadhatram di talian 03-40451033.

(END)